



**A. CARA BAYARAN**

- Pembayaran boleh dibuat di kaunter atau cawangan-cawangan LHDNM atau melalui pos. Instrumen bayaran seperti cek, kiriman wang, wang pos dan draf bank hendaklah dipalang dan dibayar kepada **Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri**:

	Alamat Pos	Kaunter Bayaran
<b>SEMENANJUNG MALAYSIA</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cawangan Pungutan, Tingkat 15, Blok 8A, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim, Karung Berkunci 11061, 50990 Kuala Lumpur	Aras Tanah, Blok 8A, Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim, 50600 Kuala Lumpur
<b>SABAH &amp; WP LABUAN</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cawangan Kota Kinabalu, Wisma Hasil, Jalan Tunku Abdul Rahman, 88600 Kota Kinabalu	Tingkat Bawah, Wisma Hasil, Jalan Tunku Abdul Rahman, 88600 Kota Kinabalu
<b>SARAWAK</b>	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Cawangan Kuching, Aras 17, Wisma Hasil, No. 1, Jalan Padungan, 93100 Kuching	Aras 1, Wisma Hasil, No. 1, Jalan Padungan, 93100 Kuching

- Sila catatkan **nama pelupus dan pemeroleh, alamat, nombor telefon, nombor rujukan cukai pelupus dan pemeroleh, tahun taksiran, kod aset dan kod bayaran** di belakang instrumen bayaran. Semak resit / slip bayaran sebelum meninggalkan kaunter bayaran.
- Bayaran seksyen 21B **tidak boleh** dibayar di bank atau melalui e-bayaran.

**B. KADAR BAYARAN SEKSYEN 21B ACKHT 1976**

Pelupusan Tahun Taksiran 2010 - 2014	Pelupusan Tahun Taksiran 2015 - 2017	Pelupusan Tahun Taksiran 2018 - 2019
<b>Semua kategori pelupus</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua balasan wang atau 2% daripada jumlah nilai balasan yang mana lebih rendah</li> </ul>	<b>Semua kategori pelupus</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua balasan wang atau 3% daripada jumlah nilai balasan yang mana lebih rendah</li> </ul>	<b>Pelupus individu warganegara / individu pemastautin tetap/wasi / pemegang amanah / syarikat</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua balasan wang atau 3% daripada jumlah nilai balasan yang mana lebih rendah</li> </ul> <b>Pelupus individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua balasan wang atau 7% daripada jumlah nilai balasan yang mana lebih rendah</li> </ul>
Pelupusan Tahun Taksiran 2020		Pelupusan Tahun Taksiran 2021
<b>Pelupus individu warganegara / individu pemastautin tetap / wasi / pemegang amanah / syarikat diperbadankan di Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua balasan wang atau 3% daripada jumlah nilai balasan yang mana lebih rendah</li> </ul> <b>Pelupus individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap / syarikat tidak diperbadankan di Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua balasan wang atau 7% daripada jumlah nilai balasan yang mana lebih rendah</li> </ul>		<b>Pelupus individu warganegara / individu pemastautin tetap / wasi bagi simati warganegara / pemegang amanah / syarikat diperbadankan di Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua balasan wang atau 3% daripada jumlah nilai balasan yang mana lebih rendah</li> </ul> <b>Pelupus individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap / wasi bagi simati bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap / syarikat tidak diperbadankan di Malaysia</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kesemua balasan wang atau 7% daripada jumlah nilai balasan yang mana lebih rendah</li> </ul>

- CONTOH 1 :**  
Pelupusan melibatkan 1 pelupus dan 1 pemeroleh.

Balasan pelupusan : RM100,000  
Bayaran Seksyen 21B : RM3,000 (3% @ 100,000) atau kesemua balasan wang yang mana lebih rendah

- 1.1 Jika amaun balasan wang adalah **RM6,000** dan amaun balasan bukan wang adalah RM94,000 maka amaun tertakluk di bawah Seksyen 21B adalah **RM3,000**.
- 1.2 Jika amaun balasan wang adalah **RM1,500** dan amaun balasan bukan wang adalah RM98,500 maka amaun tertakluk di bawah Seksyen 21B adalah **RM1,500**.

- CONTOH 2 :**  
Pelupusan melibatkan 1 pelupus dan 2 pemeroleh dengan bahagian pemilikan 40% dan 60% setiap pemeroleh.

Balasan pelupusan (wang) : RM100,000  
Bayaran Seksyen 21B : RM3,000 (3% @ RM100,000) atau kesemua balasan wang yang mana lebih rendah

<b>Pemeroleh 1</b>	RM100,000 x 40% x 3% = RM1,200
<b>Pemeroleh 2</b>	RM100,000 x 60% x 3% = RM1,800

Setiap pemeroleh perlu mengisi Borang CKHT 502 masing-masing.

- CONTOH 3 :**  
Pelupusan melibatkan 1 pemeroleh dan 2 pelupus dengan bahagian pemilikan 40% dan 60% setiap pelupus.

Balasan pelupusan (wang) : RM100,000  
Bayaran Seksyen 21B : RM3,000 (3% @ RM100,000) atau kesemua balasan wang yang mana lebih rendah

<b>Pelupus 1</b>	RM3,000 x 40% = RM1,200
<b>Pelupus 2</b>	RM3,000 x 60% = RM1,800

Jumlah RM3,000 akan dibahagikan mengikut bahagian pelupusan aset dan diakaunkan secara berasingan dalam fail cukai pelupus masing-masing

- CONTOH 4 :**  
Pelupusan melibatkan 2 pelupus dengan bahagian pemilikan 40% dan 60% setiap pelupus manakala pemerolehan melibatkan 2 pemeroleh dengan bahagian pemilikan 30% dan 70% setiap pemeroleh.

Balasan pelupusan (wang) : RM100,000  
Bayaran Seksyen 21B : RM3,000 (3% @ RM100,000) atau kesemua balasan wang yang mana lebih rendah

<b>Pemeroleh 1</b>  RM100,000 x 30% x 3% = RM900	<b>Pelupus 1</b> RM900 x 40% = RM360
	<b>Pelupus 2</b> RM900 x 60% = RM540

<b>Pemeroleh 2</b>  RM100,000 x 70% x 3% = RM2,100	<b>Pelupus 1</b> RM2,100 x 40% = RM840
	<b>Pelupus 2</b> RM2,100 x 60% = RM1,260